

SOALAN NO. 206

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan statistik bantuan kebajikan masyarakat termasuk jenis bantuan yang diberikan dan memberi sebab kenapa kini ramai penerima sedia ada yang layak telah dibatalkan tanpa sebab.**

18

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menguruskan perkhidmatan bantuan kebajikan kepada pelbagai kumpulan sasar termasuk kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya dan keluarga miskin. Kementerian komited untuk memastikan perkhidmatan bantuan diberikan kepada kumpulan sasar dengan cepat dan berkesan.

Bagi meringankan beban kewangan kepada golongan yang memerlukan, KPWKM melalui JKM telah menyalurkan bantuan kebajikan kepada seramai **462,322** orang penerima yang melibatkan peruntukan sebanyak **RM1.52 bilion** pada tahun 2016, dan sehingga Ogos 2017, JKM telah menyalurkan sebanyak **RM941.76 juta** untuk manfaat **475,883** orang penerima.

Bantuan kewangan bulanan yang disediakan oleh JKM untuk kumpulan sasar ini adalah seperti berikut:

1. **Bantuan Kanak-kanak (BKK)**, dengan kadar RM100 hingga maksimum RM450 sebulan dipertimbangkan kepada keluarga miskin atau ibu / bapa tunggal yang menjaga anak-anak mereka;
2. **Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Berupaya Bekerja (BTB)**, dengan kadar RM150 sebulan dipertimbangkan kepada Orang Kurang Upaya yang tidak berupaya bekerja kerana keadaan kecacatan mereka yang teruk dan tidak berupaya bekerja;
3. **Elaun Pekerja Cacat (EPC)**, dengan kadar RM300 sebulan dipertimbangkan kepada Orang Kurang Upaya yang sedang bekerja yang pendapatannya kurang daripada RM1,200 sebulan, sebagai elaun insentif supaya mereka terus bekerja;
4. **Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT)**, dengan kadar RM300 seorang sebulan dipertimbangkan kepada penjaga Orang Kurang Upaya Terlantar atau Pesakit Kronik Terlantar bagi mengurangkan bebanan perbelanjaan

keluarga penjaga serta memastikan penjagaan yang berkualiti;

5. **Bantuan Orang Tua (BOT)**, dengan kadar RM300 sebulan dipertimbangkan kepada warga emas yang tidak mempunyai pendapatan untuk meneruskan kehidupan harian;
6. **Bantuan Am (BA)**, dengan kadar RM80 hingga RM350 sebulan dipertimbangkan kepada keluarga miskin dan kumpulan sasar lain yang memerlukan;
7. **Bantuan Latihan Perantis**, dengan kadar RM200 sebulan dipertimbangkan kepada semua kumpulan sasar JKM yang bersedia untuk mengikuti latihan kemahiran atau penempatan kerja bagi menambahkan kemahiran dalam sesuatu bidang; dan
8. **Bantuan Anak Pelihara (BAP)**, dengan kadar RM250 sebulan hingga maksimum RM500 sebulan sekeluarga bagi meringankan tanggungan keluarga pelihara yang sanggup menjaga anak-anak pelihara seperti anak sendiri.

Selain itu, bantuan kewangan sekaligus turut disediakan oleh JKM untuk kumpulan sasar seperti berikut:

1. **Bantuan Geran Pelancaran (BGP)**, dengan kadar RM2,700 sekaligus dipertimbangkan kepada kumpulan sasar JKM bagi memulakan projek atau pekerjaan yang boleh mendatangkan pendapatan ke arah berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan bulanan selama- lamanya.
2. Bantuan Alat Tiruan / Sokongan, dengan kadar sebenar alat tiruan / sokongan tersebut bagi membantu kumpulan sasar JKM yang tidak berkemampuan untuk membeli alat tiruan atau alat sokongan seperti kaki palsu, kerusi roda, alat pendengaran, dan lain-lain peralatan yang bersesuaian dan diperlukan seperti yang disyorkan oleh Pegawai Perubatan / Pakar Perubatan / Pengamal Perubatan.

Setiap bantuan kewangan bulanan yang diluluskan adalah dalam tempoh satu (1) tahun sahaja dan adalah menjadi tanggungjawab penerima bantuan untuk mengemaskini maklumat melalui Borang Kajisemula (JKM20) dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tempoh bantuan tamat bagi

mbolehkan bantuan disambung sekiranya masih memenuhi kriteria kelayakan ataupun ditamatkan sekiranya telah tidak layak. Oleh itu JKM tidak sekali-kali menamat atau membatalkan bantuan kepada yang layak tanpa sebarang sebab.

Jawapan disediakan oleh: